

16 FEB 2002

Syed Hamid-Indonesia (Bergambar)

MALAYSIA-INDONESIA BINCANG ISU BERSAMA ISNIN INI

SEPANG, 16 Feb (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar malam ini berkata beberapa keputusan negara ini yang melibatkan Indonesia mungkin akan dibangkitkan pada mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia yang akan diadakan di ibu negara, Isnin ini.

"Agendanya adalah berbagai-bagai tapi saya percaya salah satu perkara yang akan dibangkitkan adalah perkara itu (pengambilan pekerja Indonesia)," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke luar negara selama tiga minggu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini.

Syed Hamid juga menyertai rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke benua Antartika minggu lepas.

Beliau berkata sejak kebelakangan ini, terdapat banyak reaksi yang timbul berhubung beberapa tindakan yang telah diambil oleh Malaysia.

"Sebab banyak sangat tuduhan dibuat kadang-kala banyak sangat aksi, emosi yang telah dibangkitkan sejak Malaysia mengambil tindakan yang semata-mata untuk kepentingan negara kita, dan untuk mempertahankan kedudukan dan keselamatan negara kita," katanya.

Beliau berkata penjelasan akan diberikan sebaik mungkin kepada Indonesia sekiranya isu pekerja asing itu dibangkitkan.

Antara tindakan yang telah diambil oleh kerajaan baru-baru ini termasuklah perubahan dasar pengambilan pekerja asing serta operasi besar-besaran pasukan keselamatan negara memerangi pendatang tanpa izin yang sebahagian besarnya membabitkan rakyat Indonesia.

"Kita menghargai perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Indonesia dan kita menganggap hubungan baik kedua-dua negara sebagai anggota asal Asean akan dipertahankan," katanya.

Mengulas mengenai lawatannya, Syed Hamid berkata beliau telah melawat beberapa negara termasuk Republik Ireland sempena pembukaan Kedutaan Malaysia di sana.

Selain itu, katanya beliau juga telah mengikuti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke benua Antartika pada 6 hingga 13 Feb lepas.

"Ia suatu perjalanan yang mengagumkan, ia bukan perjalanan yang mudah. Ada yang mabuk, ada yang muntah tapi Dr Mahathir setiap kali keluar nampak sihat aje," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri menyifatkan lawatan itu sebagai suatu lawatan ke khazanah dunia dan benua keenam yang sebelum ini tidak pernah dilawati.

Katanya lawatan Dr Mahathir itu bersesuaian memandangkan Malaysia telah memperjuangkan hak Antartika supaya tidak dijadikan milik mana-mana negara tetapi menjadi milik dan khazanah kemanusiaan sejak 1981, iaitu tahun Dr Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri.

"Ia juga satu lawatan yang merakamkan sejarah untuk Malaysia dan dunia Islam dan menunjukkan minat Dr Mahathir yang bersungguh-sungguh dalam membuat penemuan dan membuat perjalanan ke tempat-tempat yang akan menunjukkan Malaysia sebuah negara yang dapat memainkan peranan dalam pelbagai bidang," katanya.

-- BERNAMA

NM DC LAT